



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19)DI MALAYSIA

KENYATAAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)

Pengarah Bagi Rantau Pasifik Barat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr Takeshi Kasai hari ini telah mengeluarkan kenyataan menasihati Kerajaan Malaysia untuk bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlakunya penyebaran wabak yang lebih luas.

Kenyataan ini mungkin akan menyebabkan berlakunya kebimbangan dalam kalangan rakyat Malaysia. KKM menghargai kenyataan yang dikeluarkan pihak WHO dan berpandangan ia adalah satu saranan kepada Malaysia agar membuat kesiapsiagaan lebih awal dalam menghadapi kemungkinan penularan wabak COVID-19 yang lebih luas di dalam negara.

Berdasarkan penilaian KKM sehingga hari ini, situasi jangkitan COVID-19 masih dalam kawalan dan berada pada tahap pembendungan awal (*Early Containment*). KKM juga telah bersedia dan terus memperkukuhkan kesiapsiagaan bagi menghadapi kemungkinan memasuki fasa seterusnya iaitu Tahap Pembendungan Akhir (*Late Containment*) dan Tahap Mitigasi (*Mitigation*).

Sehingga hari ini situasi jangkitan COVID-19 di Negara ini sedang ditangani bersama oleh KKM, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), serta melibatkan berbagai Kementerian dan Agensi yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail.

Untuk makluman, penglibatan oleh pelbagai pihak samada kerajaan mahupun swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), akan terus memberikan komitmen padu dalam menangani kejadian COVID-19 ini.

Malaysia juga terus mempertingkatkan hubungan kerjasama di antara Negara-negara ASEAN dan peringkat Antarabangsa bagi memastikan penularan ini dapat ditangani secara bersepadu mengambilkira ia melibatkan penularan rentas sempadan.

KEUPAYAAN MAKMAL

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini mempunyai 18 buah makmal awam di seluruh negara yang menjalankan ujian pengesanan jangkitan COVID-19:
 - Sebuah (1) Institut Penyelidikan Perubatan
 - Sebuah (1) Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan di Sungai Buloh
 - Empat (4) Makmal Kesihatan Awam:
 - Perak
 - Johor
 - Kelantan
 - Sabah
 - 12 buah makmal hospital kerajaan
- Selain makmal awam, KKM juga sedang melatih lima (5) buah makmal yang diuruskan oleh pihak swasta bagi menjalankan ujian pengesanan jangkitan COVID-19.
- Sehingga kini, sebanyak 550 ujian pengesanan jangkitan COVID-19 telah dijalankan ke atas pesakit yang bergejala dan juga kontak rapat.
 - Daripada jumlah ini, 18 pesakit disahkan positif jangkitan COVID-19.
- KKM juga bersedia untuk memperluaskan lagi keupayaan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 ke makmal kesihatan awam yang lain bergantung kepada situasi semasa jangkitan COVID-1

JAWATANKUASA KERJA BERSAMA MALAYSIA-SINGAPURA

Susulan daripadapersidangan video bersama Menteri Kesihatan Singapura, H.E. Gan Kim Yong semalam, KKM kini sedang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan Singapura bagi merangka terma-terma rujukan jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa yang akan dipengerusikan secara bersama oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, Dr Lee Boon Chye, dan juga Menteri Kanan Pengangkutan dan Kesihatan Singapura, Dr Lam Pin Min, dijangka akan ditubuhkan selewat-lewatnya pada minggu hadapan.

Fokus kerjasama dua hala itu adalah seperti berikut:

- i. Perkongsian maklumat dalam bidang kesihatan awam, perubatan, dan penyelidikan bagi memastikan penularan jangkitan 2019-nCoV ditangani secara berkesan.
- ii. Saringan dan Pengurusan kes rentas sempadan Malaysia-Singapura
- iii. Penyeragaman indikasi bagi penggunaan ubat anitiviral kepada pesakit yang disahkan positif 2019-nCoV.
- iv. Mengenalpasti pegawai yang bertanggungjawab (*contact person*) di kedua-dua kementerian bagi tujuan komunikasi berkenaan pengurusan kes 2019-nCoV dan pengesanan kontak rapat.

STATUS TERKINI JANGKITAN 2019-nCoV DI MALAYSIA

- KKM ingin memaklumkan bahawa **TIADA** kes baru dilaporkan pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes 2019-nCoV yang dilaporkan sehingga hari ini **KEKAL** sebanyak **18 kes**;
 - **lapan (8)** kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI)
 - **lapan (8)** kes dalam kalangan kontak rapat

- **dua (2)** kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan.
- Daripada jumlah tersebut juga
 - 12 kes adalah warganegara China
 - 6 orang adalah warganegara Malaysia.
- Bilangan kes yang discaj daripada wad adalah tiga (3).
- Bagi kontak rapat, sebanyak 175 telah dikenalpasti.
- KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO.
- Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya.
- KKM juga akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
Menteri Kesihatan Malaysia

12 Februari 2020